

Boleh pegang jawatan dalam GLC

Oleh MOHD. HAFIZ
ABD. MUTALIB

hafiz.mutalib@mediamula.com.my

ARAU: Jawatan dalam syarikat milik kerajaan (GLC) yang dipegang oleh ahli Dewan Rakyat tidak menyebabkan mereka hilang kelayakan sebagai ahli dewan berkenaan.

Pakar Perlembagaan, **Datuk Dr. Wan Ahmad Fauzi Wan Husain** menjelaskan, ini kerana jawatan berkenaan bukan 'jawatan berpendapatan' yang ditakrifkan di bawah Perkara 160 (2) Perlembagaan Persekutuan.

Katanya, melalui peruntukan tersebut, ahli Parlimen yang memegang jawatan selain jawatan berpendapatan di bawah takrifan Perkara 160(2) walaupun menerima upah, tidak hilang kelayakan.

"Sebagai contoh, jawatan Pengerusi Petronas bukanlah suatu jawatan berpendapatan di bawah takrifan Perkara 160 (2).

"Oleh demikian, ahli Parlimen yang menduduki jawatan



“
Sebagai contoh, jawatan Pengerusi Petronas bukanlah suatu jawatan berpendapatan di bawah takrifan Perkara 160 (2).”

WAN AHMAD FAUZI WAN HUSAIN

ahli lembaga pengarah atau pengerusi dalam syarikat yang kerajaan mempunyai kepentingan seperti Petronas tidaklah menjadi sebab hilang kelayakan seorang ahli Parlimen.

"Melainkan ada Akta Parlimen yang mengisytiharkan suatu entiti itu sebagai jawatan berpendapatan di bawah Perkara 160(2)," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini semalam.

Beliau mengulas pendeda-

han Pengerusi Jemaah Penasihat UMNO, Tengku Razaleih Hamzah yang pernah ditawarkan jawatan Penasihat Petronas oleh Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin namun menolaknya.

Ahli Parlimen Gua Musang itu dilaporkan berkata, penolakan tersebut disebabkan rasa prihatinnya terhadap Perkara 48 (1) (c) Perlembagaan Persekutuan berkaitan hilang kelayakan



SHAMRAHAYU A. AZIZ

menjadi ahli Parlimen sekiranya memegang sesuatu jawatan berpendapatan.

"Bahagian kecil (*sub-section*) ini bertujuan mencegah Ahli-ahli Dewan daripada menyokong atau pun mengundi demi menyokong kerajaan bagi 'penyogokan politik,'" katanya.

Dalam pada itu, Wan Ahmad Fauzi mencadangkan agar Peguam Negara memberi takrifan jelas berhubung soal tersebut bagi

mengelak sebarang kekeliruan.

Seorang lagi pakar Perlembagaan, **Prof. Madya Dr. Shamrahayu A. Aziz** turut memberikar hujah yang sama berhubung kekeliruan tersebut.

Beliau menambah, 'jawatan berpendapatan' menurut Perkara 160 (2) Perlembagaan Persekutuan bermaksud apa apa jawatan sepenuh masa dalam mana-mana perkhidmatan awam.

Dalam masa sama, katanya Perkara 132 (2) yang mendefinisikan mengenai perkhidmatan awam juga perlu dirujuk apabila membicarakan isu tersebut.

"Apa-apa jawatan lain yang tidak dinyatakan dalam fasal (3) Perkara 132 yang boleh ditetapkan sebagai jawatan berpendapatan melalui Akta Parlimen," jelasnya.

"Di samping itu, pemegang jawatan tersebut hendaklah memegang jawatan sepenuh masa. Sekiranya tidak sepenuh masa, maka ia bukan juga jawatan berpendapatan," jelasnya.